

04/11/2003

Wawasan 2020 inspirasi (HL)

By Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan bahawa beliau akan meneruskan segala dasar yang telah digariskan oleh pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Dalam ucapan sulungnya sebagai ketua kerajaan di Dewan Rakyat semalam,

beliau menegaskan, Wawasan 2020 akan terus menjadi inspirasi memacu pembangunan secara komprehensif bagi mencapai taraf negara maju.

"Kita juga perlu mengusahakan emansipasi dan pengukuhan dalam segala aspek pembangunan manusia dari segi sosial, moral, etika dan politik. Dasar wawasan negara akan terus dijadikan rangka strategik kepada dasar ekonomi negara.

"Semangat dasar ekonomi baru untuk memastikan penyusunan masyarakat yang

dapat membina perpaduan nasional dan agenda membasmi kemiskinan tidak harus diabaikan sama sekali," katanya ketika mengemukakan usul terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad serta menggariskan arah haluan kepemimpinan di Dewan Rakyat, semalam.

Abdullah sebak pada separuh ucapannya apabila menyebut: "Saya amat insaf

betapa tanggungjawab ini menuntut saya melaksanakan secara amanah - secara

jujur, secara cekap, secara adil. Saya lebih sedar betapa tanggungjawab ini akan dinilai oleh rakyat keseluruhannya, dan lebih daripada itu, oleh Allah."

Beliau yang mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia

kelima Jumaat lalu, sekali lagi sebak dan hampir menangis apabila mengakhiri ucapan yang antara lain berbunyi: "Kepada Mu Ya Allah, hambaMu

ini memohon petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan."

Usul itu kemudian diluluskan sebulat suara setelah disokong Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan dibahas oleh Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong); Tan Sri Bernard Dompok (BN-Kinabalu); Datuk Dr Hassan Ali (Pas-Parit Buntar); Tan Sri Abdul Taib Mahmud (BN-Kota Samarahan), Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) dan Datuk Seri Law Hieng Ding (BN-Sarikei).

Dalam ucapannya yang bertemakan "Mewarisi Kejayaan, Membina Masa Depan

Yang Cemerlang, Gemilang, Terbilang" bagi menggariskan arah haluan kepemimpinan negara itu, Abdullah berkata, kejayaan yang diwarisi hari ini

tidak mungkin kekal jika kreativiti dan inovasi tidak dijadikan sebahagian

budaya masyarakat Malaysia.

Sehubungan itu, katanya, kemudahan fizikal bertaraf dunia pertama perlu

diperlengkapkan dengan warga berfikiran dan berbudaya dunia pertama.

Beliau menegaskan, pembangunan sumber manusia perlu ditingkatkan supaya warga diimbangkan pembangunan daripada segi fizikal, mental dan spiritual.

Manusia adalah input terpenting dalam ekonomi berlandaskan pengetahuan.

"Oleh itu, negara perlu memastikan bahawa pendidikan berkualiti disediakan untuk memberi seluas-luas peluang kepada setiap warga Malaysia

memperoleh tahap pendidikan setinggi yang boleh," katanya.

Abdullah juga meminta semua Ahli Parlimen berikrar untuk terus berjuang mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan kesejahteraan negara menerusi

seluruh dasar, strategi dan program yang telah diperkenal dan diperjuangkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketika merakamkan setinggi-tinggi penghargaan daripada seluruh rakyat Malaysia kepada Perdana Menteri keempat dan Ahli Parlimen Kubang Pasu itu,

Abdullah berkata beliau akan terus berusaha ke arah mencemerlangkan rakyat

berasaskan semangat Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan matlamat utama Wawasan 2020.

"Tun Dr Mahathir mengabadikan diri untuk negara bangsa Malaysia selama

tempoh 22 tahun, tiga bulan, 15 hari sebagai Perdana Menteri, bermula 16

Julai 1981 sehinggalah kepada tarikh beliau bersara pada 31 Oktober lalu.

"Sesungguhnya khidmat beliau kepada negara bangsa bermula lebih awal dari itu. Suara bernas lagi tegas beliau mula bergema di dewan ini, sejak

dipilih sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Setar selatan dalam pilihan raya umum yang diadakan pada 25 April 1964," katanya.

Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir juga adalah orang kedua paling lama

selepas Tun Abdul Ghaffar Baba berkhidmat sebagai Ahli Parlimen.

Beliau berkata, Dr Mahathir menjadi ahli Parlimen selama hampir 36 tahun, 29 tahun sebagai anggota jemaah menteri dan selama lebih 22 tahun

sebagai Perdana Menteri.

"Sewaktu menjadi Ahli Parlimen biasa di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara, beliau telah menyuarakan pendapat secara berani, secara kritis, secara terbuka dan secara berterus terang.

"Beliau memiliki identiti sebagai seorang Ahli Parlimen yang menyuarakan

pandangan bernas dan berpendirian tegas. Beliau sentiasa membawa nada pembaharuan, sering kali mendahului jauh ke hadapan dari segi pandangan,

pendirian, unjuran dan wawasan," katanya.

(END)

04/11/2003

Pak Lah perlu sokongan semua

IKRAR Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meneruskan usaha

membina kejayaan dicapai oleh negara dan rakyat amnya, agar menjadi lebih cemerlang, lebih gemilang dan lebih terbilang tidak syak lagi memerlukan kerjasama dan sokongan padu setiap menteri dan segenap lapisan masyarakat. Sebagaimana ditegaskannya beliau beruntung kerana diwariskan kejayaan di pelbagai sektor oleh Tun Dr Mahathir Mohamad baik kejayaan mengekalkan kestabilan politik, perpaduan rakyat yang utuh, ekonomi yang pesat membangun dan tidak kurang penting pengisian erti kemerdekaan. Dalam usaha mencapai matlamat meneruskan kejayaan dan memikul tanggungjawab sebagai ketua kerajaan yang baru, Perdana Menteri juga sedar dan insaf betapa ia memerlukan beliau melaksanakan amanah secara jujur, cekap serta adil dan betapa pencapaian beliau kelak dinilai oleh menteri dan rakyat jelata selain Allah.

Dalam menjalankan tugas itulah, Abdullah mahu kepemimpinan politik memperlihatkan sebaik contoh agar dihormati dan berkesan menjalankan tugas mereka. Untuk ini, pucuk pimpinan perlu menunjukkan kejujuran, kerajinan, ketekunan dan kesungguhan. Ini boleh menjadi penggerak dan peneraju kepada kepemimpinan lain. Begitu juga kepemimpinan politik perlu bersikap terbuka, sedia menerima teguran untuk menyuburkan budaya demokrasi. Ini ditambah lagi dengan perlunya mereka mencerminkan imej bersih, bebas daripada tohmahan dan amalan rasuah serta mengamalkan gaya hidup sederhana.

Seterusnya selain pucuk pimpinan politik, sektor awam memainkan peranan penting menjadi pengukur dan mencerminkan imej kerajaan yang berkesan, bersih, telus dan bebas daripada rasuah. Di sinilah, kakitangan awam perlu menghayati sedalam-dalamnya erti slogan bersih, cekap dan amanah membolehkan semua ciri itu dijelmakan dalam budaya kerja mereka. Rasuah disifatkan oleh Abdullah sebagai amalan yang jijik memang memerlukan pendekatan lebih berkesan bagi menanganinya. Sejajar ini, beliau mahu matlamat membina perkhidmatan awam yang sifar rasuah tidak digagalkan oleh amalan kurang sihat di kalangan pihak swasta dan kalangan yang tidak berada di dalam kerajaan.

Dengan Wawasan 2020 menjadi inspirasi pemacu membangunkan negara dengan lebih menyeluruh bagi mencapai taraf negara maju tidak syak lagi setiap seorang daripada kita baik Ahli Parlimen, pentadbir, pihak swasta, ahli kumpulan politik atau lebih tepat lagi warga Malaysia perlu berganding bahu membantu Abdullah mencapai matlamat itu. Di samping itu, kita juga harus bertekad membangunkan negara menjadi wadi di rantau ini yang mampu memikat lebih banyak pelaburan asing dan menambah dagangan antarabangsa.

(END)

04/11/2003

Abdullah tidak keseorangan majukan negara

By Azimi Daim

PERSARAAN Tun Dr Mahathir Mohamad dan pemergiannya ke luar negara membuat hati ini berasa sunyi. Orang yang sangat disayangi rakyat bukan pergi buat selama-lamanya, tetapi bersara dari jawatan tertinggi negara dan parti.

Alhamdulillah dan kita berterima kasih kerana ayahanda Dr Mahathir sudah menempa satu platform utama untuk Malaysia terus memacu kejayaan dan kecemerlangan.

Nasib generasi akan datang nampaknya cerah asalkan sanggup memelihara asas kejayaan itu dan bekerja kuat mencapai matlamat menjadi negara yang lebih gagah di dunia. Malah, generasi akan datang juga sudah dibimbing ke hala tuju menjadi warga dunia.

Tiada hadiah yang paling istimewa buat Dr Mahathir dan isterinya selain terus menterjemah, melaksanakan Wawasan 2020, meningkatkan teknologi, membawa kemajuan kepada negara dan menyumbang kepada seluruh dunia.

Tahniah dari saya dan rakan-rakan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kami sangat bersyukur kerana segala usaha media asing dan dalangnya untuk merosakkan nama Perdana Menteri kita kini gagal.

Kuasa luar mahu sebaik saja peralihan kuasa sempurna, pelbagai pihak mencabar kewibawaan pucuk pimpinan negara. Itulah sebabnya mereka sering mengajukan soalan sama ada Pak Lah mampu menyamai keupayaan Dr Mahathir dan sebagainya.

Rupa-rupanya soalan yang sama juga memberi peluang banyak pihak memikirkan dengan waras dan menjawab dengan tepat. Tidak adil membuat perbandingan sedemikian, tetapi kini Dr Mahathir meninggalkan jawatannya dalam keadaan negara sudah cukup bersedia untuk mencari lonjakan kemajuan seterusnya.

Justeru, kegagalan kuasa asing menimbulkan keraguan itu, pelantikan Pak Lah mendapat sokongan yang padu dari segenap lapisan rakyat, ahli dan pemimpin parti. Liputan kedua-dua pemimpin itu juga seimbang sekali gus menghalang agenda penjajah.

Bagaimanapun, ada juga beberapa kelompok di dalam negara cuba membawa ketidaktentuan dalam negara dan mencabar Pak Lah dengan membuat berpuluh-puluh laporan polis terhadap bekas Perdana Menteri. Harapan mereka apabila Pak Lah gagal menangani isu dan gimik politik mereka itu dengan bijaksana, negara akan kucar-kacir dan tampuk pimpinan bertukar mengikut selera mereka.

Kaedah ini sama dengan reformasi yang dilakukan di negara lain. Akhirnya

golongan yang banyak membuat bantahan berjaya menaikkan calon pilihan mereka menerajui negara. Malangnya, sampai ke hari ini negaranya terjajah, ekonomi dan politik mengikut telunjuk asing.

Malaysia berjaya melahirkan pemimpin yang `tidak pekak' tetapi peka, `tidak buta' tetapi tajam pengamatannya hingga jauh ke depan, `tidak tidur' tetapi sentiasa siap siaga. Janganlah ada yang mengada-ngada melaung gimik untuk mencapai kepentingan kumpulan sendiri sehingga membelakangkan, menggadai dan mempertaruh kepentingan agama, bangsa dan negara.

Maka menjadi amanah kepada generasi akan datang mempertahankan perpaduan, keamanan dan kemajuan negara ini daripada usaha meruntuhkan negara oleh golongan itu. Kita sekat pengkhianatan itu.

Di bahu Pak Lah, pemimpin dan rakyat yang bertanggungjawab di negara ini, terpikul amanah untuk menjadikan seluruh negara lembah silikon - tapak kemajuan pelbagai teknologi yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat dan seluruh dunia. Biar kita setanding dan jauh menyaingi teknologi dan kemajuan Jepun.

Lebih besar daripada itu, seluruh dunia Islam dan negara membangun menggantungkan harapan kepada negara ini bukan sekadar menjadi jurubicara mereka, malah melaksana dan merealisasikan pelbagai resolusi.

Kunci semua itu adalah perpaduan, keamanan, mengejar ilmu, bekerja kuat, pragmatik, benar dan berani. Seperti Dr Mahathir, kita perlu berani melaksanakan perkara yang kita yakin benar dan boleh berjaya. Namun kali ini kita tidak perlu membiarkan Pak Lah keseorangan dalam melaksanakan sebarang usaha membawa kemajuan, sebaliknya memberikan sokongan padu dan bersama mengorak langkah ke arah kecemerlangan.

Generasi muda kini bertanggungjawab untuk bersama menempa kecemerlangan itu. Pentas kita bukan saja di negara ini, malah menuju antarabangsa. Golongan pelajar bekerja keras menuntut ilmu, belia menggerakkan wawasan dan pemimpin membimbing kegemilangan.

(END)

04/11/2003

Mewarisi kejayaan bina masa depan cemerlang, terbilang

TEKS ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengemukakan usul terima kasih kepada Ahli Parlimen Kubang Pasu, Tun Dr Mahathir Mohamad, serta menggaris arah haluan kepemimpinan di Dewan Rakyat, semalam.

TUAN Yang Dipertua,

Izinkan saya bangun membawa usul khas dalam persidangan dewan kali ini

yang berbunyi, bahawa dewan ini:

* Menerima hakikat bahawa Ahli Parlimen Kubang Pasu, yang menjadi Perdana

Menteri Malaysia keempat sejak 16 Julai 1981 dan telah berkhidmat dengan penuh dedikasi, tegas, cekap, berkesan, cemerlang dan bijaksana, telahpun mengosongkan persada kepemimpinan negara;

- * Menghargai serta menyanjung tinggi perjuangan, pengorbanan, budi, jasa dan bakti Ahli Parlimen Kubang Pasu yang amat murni, abadi serta tidak ternilai besarnya, menerusi pelbagai dasar, strategi dan program yang pragmatik, demi perpaduan dan ketahanan nasional, keselamatan dan kesejahteraan bangsa serta kemakmuran dan kegemilangan negara;
- * Menyedari serta menginsafi konsistensi, kesungguhan dan keprihatinan Ahli Parlimen Kubang Pasu di dalam perjuangannya memartabatkan Islam dan umat Islam di seluruh jagat, khususnya di Malaysia yang majmuk, menerusi penguasaan dan kecemerlangan ilmu di semua bidang kehidupan mutakhir;
- * Menghayati serta menyokong penuh kebijaksanaan Ahli Parlimen Kubang Pasu di dalam menangani krisis ekonomi negara akibat kedurjanaan pegganas kewangan antarabangsa menerusi strategi ekonomi, kewangan dan pengurusan yang unik, efektif dan diiktiraf dunia;
- * Mengiktiraf bahawa Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Ahli Parlimen Kubang Pasu adalah satu doktrin perdana bagi perjuangan membina negara Malaysia yang terus berdaulat dan merdeka serta lebih bersatu padu, sejahtera, aman, makmur, maju, cemerlang, bermaruah dan berwibawa pada era globalisasi dan neo-kolonialisme;
- * Mengakui bahawa perjuangan Ahli Parlimen Kubang Pasu memajukan ICT menerusi penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta memajukan bioteknologi menerusi kewujudan lembah bio akan memberi manfaat besar kepada bangsa dan negara Malaysia pada hari muka;
- * Mengkagumi kewibawaan, kebijaksanaan serta keberanian Ahli Parlimen Kubang Pasu yang telah memperkasakan martabat bangsa dan negara Malaysia serta umat manusia di negara membangun secara amnya, pada arena antarabangsa, menerusi inisiatif multilateral sewilayah, di antara benua dan di seluruh jagat serta menerusi pandangan, gagasan serta pemikirannya yang universal di bidang kemanusiaan, kesaksamaan, kesamarataan, perdagangan, sains, teknologi, siasah dan keluhuran undang-undang antarabangsa, khususnya pada peringkat Asean, Apec, NAM, OIC dan PBB;

Maka, Dewan Rakyat yang bersidang pada hari ini, 3 November 2003 bersamaan 8 Ramadan 1424, mengambil ketetapan untuk;

- * Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta jutaan terima kasih dari seluruh rakyat jelata Malaysia kepada Ahli Parlimen Kubang Pasu;
- * Berikrar akan terus berjuang mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan kesejahteraan tanah air menerusi seluruh dasar, strategi dan program yang telah diperkenal serta diperjuangkan oleh Ahli Parlimen Kubang Pasu;
- * Terus berusaha ke arah mencemerlangkan rakyat Malaysia di hari muka berasaskan semangat Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan juga matlamat utama Wawasan 2020.

Tuan Yang Dipertua

Tun Dr Mahathir Mohamad telah mengabdikan diri untuk negara bangsa Malaysia selama tempoh 22 tahun, tiga bulan, 15 hari sebagai Perdana Menteri, bermula dari 16 Julai 1981 sehinggalah kepada tarikh beliau bersara pada 31 Oktober lalu. Sesungguhnya, khidmat beliau kepada negara bangsa bermula lebih awal dari itu.

Suara bernas lagi tegas beliau mula bergema di dewan ini, sejak dipilih sebagai Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Star Selatan dalam pilihan raya umum yang diadakan pada 25 April 1964.

Perkhidmatan beliau sebagai Ahli Parlimen terputus seketika, apabila beliau tewas dalam pilihan raya umum pada Mei 1969. Pada 12 Februari 1973, beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Dalam pilihan raya pada 24 Ogos 1974, beliau dipilih menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Kubang Pasu.

Beliau lalu dilantik oleh Tun Abdul Razak (Allahyarham) sebagai Menteri Pelajaran. Apabila Tun Abdul Razak kembali ke rahmatullah, beliau dilantik oleh Datuk Hussein Onn (Allahyarham) sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Di bawah kepimpinan Datuk Hussein Onn, beliau pernah menjawat jawatan Menteri Perdagangan dan Industri. Dalam tempoh waktu menjawat jawatan Perdana Menteri, beliau turut menjadi menteri kepada Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan.

Ditolak 42 bulan beliau terputus menjadi ahli Dewan ini, Ahli Parlimen Kubang Pasu adalah orang kedua paling lama selepas Ahli Parlimen Batu Berendam berkhidmat sebagai Ahli Parlimen. Dalam tempoh hampir 36 tahun menjadi Ahli Parlimen, selama 29 tahun beliau menjadi anggota Jemaah Menteri dan selama lebih 22 tahun sebagai Perdana Menteri.

Sewaktu menjadi Ahli Parlimen biasa di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara, beliau telah menyuarakan pendapat secara berani - secara kritis, terbuka - secara berterus terang. Beliau memiliki identiti sebagai seorang

Ahli Parlimen yang menyuarakan pandangan bernas dan berpendirian tegas. Beliau sentiasa membawa nada pembaharuan, sering kali mendahului jauh ke hadapan dari segi pandangan, pendirian, unjuran dan wawasan.

Ketika mengambil tanggungjawab sebagai Perdana Menteri, negara di ambang menyambut ulang tahun kemerdekaan kali ke-24. Ketika beliau mengundurkan diri daripada jawatan itu, Malaysia telah menyambut hari ulang tahun kemerdekaan kali ke-46.

Beliau mewarisi dari kepimpinan terdahulu sebuah negara yang stabil dari segi politik dan makmur dari segi ekonomi. Bertapakkan gagasan sebuah negara yang aman lagi makmur, beliau telah melonjakkan pencapaian negara kepada satu tahap kejayaan yang amat membanggakan.

Pembangunan prasarana fizikal dan pembangunan sumber manusia negara berlaku paling pesat dalam tempoh beliau menjadi Perdana Menteri. Yang lebih penting adalah kejayaan meletakkan negara mendapat pengiktirafan dunia hingga Malaysia dijadikan negara contoh dari segi kestabilan

politik, kemakmuran ekonomi, perpaduan kaum dan toleransi agama serta diiktiraf sebagai sebuah negara Islam paling progresif.

Melalui kepemimpinan beliau, negara kecil bernama Malaysia bangun untuk

memainkan peranan besar pada forum antarabangsa. Kerjasama Selatan-Selatan

diberikan nafas baru. Asean berjaya diperbesarkan. Persidangan negara Komanwel, persidangan negara G15, persidangan negara berkecuali dan persidangan negara OIC dapat dianjurkan di Malaysia.

Hari ini, Malaysia menjelma sebagai negara ke-18 terbesar dunia dari segi perdagangan. Malaysia telah menggariskan wawasan jangka panjang menjadi sebuah negara maju pada 2020. Malaysia berkeupayaan menangkis ancaman krisis kewangan 1997.

Beliau berjaya membina dan menyemaikan keyakinan diri, kebanggaan nasional, nilai maruah dan semangat kenegaraan di kalangan warga.

Beliau

adalah wira bangsa - wira negara, telah mengharumkan nama negara bangsanya

di serata dunia.

Bekas Perdana Menteri - pemimpin berwawasan. Lebih penting daripada itu

beliau mempunyai kesungguhan memastikan wawasan menjadi realiti. Beliau adalah negarawan yang memenuhi aspirasi warganya dan memberikan inspirasi

kepada mereka untuk mencapai aspirasi yang diimpikan.

Seorang negarawan yang mendahului pemikiran warga sezaman, namun berjaya

mencipta masa depan yang penuh realiti. Beliau melakukan transformasi kepada negara dari begitu bergantung kepada sumber pertanian menjadi sebuah negara industri termaju di kalangan negara membangun.

Bahawa warga dan negara amat menghargai jasa dan khidmat bakti yang telah beliau laksanakan secara amanah - secara bertanggungjawab hingga memungkinkan warga dan bangsa berada pada persada kehebatan - bertapak pada altar kecemerlangan, muncul sebagai sebuah negara yang dihormati lagi

disegani.

Dewan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas

segala jasa - segala bakti, segala cetusan pemikiran - segala kebernasan

pendapat, segala pengorbanan - segala khidmat, segala kesungguhan - segala

kegigihan yang telah beliau buktikan.

Sesungguhnya, Dewan ini juga merakamkan setinggi penghargaan dan terima

kasih kepada yang amat berbahagia Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan seluruh

anggota keluarga beliau yang turut sama melakukan pengorbanan besar untuk

mbolehkan beliau menumpukan tenaga, pemikiran dan masa, mengabadikan diri berkhidmat bukan sekadar untuk negara dan warga Malaysia, malah di rantau ini, di kalangan negara membangun - di kalangan negara Islam.

Kita mendoakan semoga hari-hari persaraan beliau dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan, semoga beliau berada dalam keadaan sihat lagi sejahtera. Semoga beliau dan Dr Siti Hasmah serta keluarga dilimpahkan segala kebahagiaan.

Semoga khidmat bakti beliau diterima oleh Allah swt sebagai amal makruf, dianugerahkan ganjaran dunia - ganjaran akhirat. Sebesar-besar hadiah persaraan yang dapat warga Malaysia berikan kepada beliau adalah untuk meneruskan wawasan dan impian, menjadikan Malaysia sebuah negara maju, makmur, aman dan stabil.

Saya amat bersyukur bahawa bekas Perdana Menteri telah mewariskan satu kejayaan; kejayaan mengekalkan kestabilan politik, kejayaan mengukuhkan perpaduan warga, kejayaan membangunkan ekonomi negara, kejayaan mengisi erti kemerdekaan.

Atas tapak kejayaan itu, dengan bimbingan ilahi dan mengambil pedoman dari kejayaan yang telah dicipta oleh pemimpin terdahulu, dengan kerjasama anggota Jemaah Menteri dan dengan sokongan dari setiap lapisan rakyat, saya akan berusaha menumpukan fikiran dan tenaga, meneruskan usaha membina kejayaan lebih cemerlang, lebih gemilang, lebih terbilang.

Tuan Yang Dipertua

Izinkan saya memetik hadis yang diriwayatkan oleh Abu Aaud bermaksud: "Jikalau Allah inginkan supaya sesuatu bangsa itu sejahtera, maka Tuhan memberikan bangsa itu pemimpin yang baik..."

Kita bersyukur kerana Allah swt telah mengurniakan negara Malaysia dengan barisan pemimpin yang baik. Keempat-empat Perdana Menteri terawal, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum), Tun Abdul Razak Hussein (Allahyarham), Tun Hussein Onn (Allahyarham) dan Ahli Parlimen Kubang Pasu, Tun Dr Mahathir Mohamad telah mewariskan kepada kepemimpinan terkemudian sebuah negara yang aman, stabil dan makmur.

Pemimpin terkemudian berupaya membina kejayaan lebih cemerlang atas kejayaan yang telah dicipta oleh pemimpin sebelumnya. Setiap Perdana Menteri telah mencipta kejayaan dalam era kepemimpinan masing-masing.

Dewan ini wajar memperingati jasa dan bakti setiap Perdana Menteri, mewariskan kepada warga sebuah negara yang stabil lagi makmur. Oleh itu, sempena Ramadan, marilah kita berdoa supaya mereka dicucuri rahmat.

Pada petang Jumaat, 31 Oktober 2003 bersamaan 5 Ramadan 1424 hijrah, dengan ketentuan Allah swt saya telah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima. Penentuan itu memperkukuhkan betapa kebesaran kuasa ilahi. Bahawa manusia sekadar merancang, Allah juga yang menentukan. Ketahuilah Allah swt adalah berkuasa dan mentakdirkan segala-galanya.

Dalam ayat 68 Surah al-Qasas, Allah berfirman yang bermaksud:

"Dan Tuhanmu menciptakan apa yang dirancangkan berlakunya, dan Dialah juga yang memilih (satu-satu dari makhluknya untuk sesuatu tugas atau keutamaan dan kemuliaan); tidaklah layak dan tidaklah berhak bagi sesiapaupun memilih (selain dari Allah), maha suci Allah dan maha tinggilah keadaannya dari apa yang mereka sekutukan dengannya."

Saya sedar bahawa dalam usaha nasional untuk mengurus kejayaan dan mempertingkatkan pencapaian ke tahap kecemerlangan, saya mempunyai tanggungjawab dan peranan utama sebagai ketua kerajaan yang baru. Atas kesedaran itulah saya memilih berucap di Dewan yang mulia ini untuk memberi garis panduan serta menjelaskan prinsip-prinsip yang kita perlu

pegang bersama dalam hasrat dan usaha mencapai matlamat kecemerlangan dan kegemilangan bagi negara kita.

Saya amat insaf betapa tanggungjawab ini menuntut saya melaksanakan secara amanah - secara jujur, secara cekap - secara adil. Saya lebih sedar

betapa tanggungjawab ini akan dinilai oleh ahli yang berhormat, oleh rakyat jelata keseluruhannya dan lebih dari itu, oleh Allah swt.

Bahawa jawatan dan kuasa adalah satu ujian dari Allah swt. Jika tanggungjawab ini dapat disempurnakan secara amanah, jujur, cekap dan adil, akan berjayalah seseorang hamba dalam menghadapi ujian ilahi, sebaliknya kegagalan memenuhinya akan menjadi satu tanggungan berat untuk dihadapi baik di dunia mahupun di akhirat.

Dewan ini saya pilih sebagai tempat melafazkan ucapan utama yang ulung atas nama Perdana Menteri, sebagai simbol penghormatan kepada Dewan yang mulia ini. Dewan ini adalah simbol institusi demokrasi, institusi yang dilandaskan kepada sistem syura, sistem yang mengutamakan amalan perundingan - budaya perbincangan, tempat undang-undang digubal dan dasar negara diputuskan.

Sejak pilihan raya pertama pada 1955, institusi demokrasi ini telah dapat dipertahankan, hanya terputus untuk tempoh 21 bulan ketika pemerintahan Mageran. Malaysia terbukti satu-satunya negara yang berani mengembalikan kuasa kepada rakyat untuk memilih kerajaan. Institusi demokrasi paling sesuai dalam sistem kerajaan yang mengutamakan suara dan penyertaan rakyat. institusi demokrasi perlu dipupuk untuk mencapai tahap kematangan.

Kepemimpinan politik perlu memperlihatkan sebaik contoh. Kepemimpinan politik akan berkesan jika dapat dihormati. Kepemimpinan politik perlu memperlihatkan sifat kejujuran, kerajinan, ketekunan dan kesungguhan, menjadi penggerak dan peneraju kepada kepemimpinan lain.

Kepemimpinan politik perlu memperlihatkan sikap terbuka, bersedia menerima teguran untuk menyuburkan budaya demokrasi. Kepimpinan politik perlu mencerminkan imej bersih, bebas dari tohmahan dan amalan rasuah serta mengamalkan gaya hidup sederhana.

Amalan demokrasi subur jika semangat demokrasi dapat dipamerkan secara penuh bertanggungjawab oleh pelbagai pihak. Perlu diingatkan bahawa demokrasi tidak bererti kebebasan mutlak. Isu-isu yang menyentuh sensitiviti agama, kaum, budaya dan bahasa jangan sama sekali disensasikan, sementara isu-isu yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan ketenteraman awam perlu ditangani secara tegas.

Kita perlu tegas dalam menghadapi ancaman ekstremisme, keganasan dan militan. Ketegasan kerajaan menangani ancaman sedemikian perlu diberi sokongan padu, demi menjamin keselamatan negara terkawal kukuh dan ketenteraman awam tidak terjejas.

Warga Malaysia perlu didewasakan menjadi warga bertanggungjawab berpandukan prinsip Rukun Negara; membina masyarakat yang diasaskan dengan semangat kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan.

Tuan Yang Di Pertua
Kejayaan yang diwarisi pada hari ini tidak mungkin kekal jika kreativiti dan inovasi tidak dijadikan sebahagian dari budaya masyarakat Malaysia. Kemudahan fizikal bertaraf dunia pertama perlu diperlengkap dengan warga berfikiran dan berbudaya dunia pertama. Pembangunan sumber manusia perlu ditingkatkan supaya warga diimbangkan pembangunan dari segi fizikal, mental dan spiritual.

Manusia adalah input terpenting dalam ekonomi berlandaskan pengetahuan. Oleh itu negara perlu memastikan bahawa pendidikan berkualiti disediakan untuk memberi seluas-luas peluang kepada setiap warga Malaysia memperoleh tahap pendidikan setinggi yang boleh.

Di samping usaha ke arah membekalkan ilmu dan meningkatkan kemahiran, pengisian dalaman amatlah penting dalam membangunkan barisan warga yang memiliki jati diri dan daya tahan untuk menghadapi persaingan dunia sejagat.

Sistem nilai yang betul perlu dipupuk demi melindungi warga dari terlalu dilanda budaya materialistik hingga sanggup melakukan apa saja kerana kepentingan kebendaan atau kepentingan sempit kumpulan dan peribadi.

Sumber baru bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara perlu diterokai. Pendekatan baru menguruskan kegiatan ekonomi sedia ada perlu dirintis demi menjamin daya saing dan daya tahan negara dapat dipertingkatkan. Pembahagian peluang ekonomi perlu memperlihatkan kesaksamaan yang dinikmati oleh seramai mungkin rakyat.

Pembangunan luar bandar perlu dirangkaikan dalam arus perdana ekonomi melalui program yang dapat meningkatkan sumber kekayaan penduduk desa. Warga Malaysia hendaklah berani menghadapi dan melakukan perubahan.

Bidang teknologi komunikasi dan maklumat, bioteknologi, sains, teknologi dan pertanian moden masih belum cukup diterokai dan untuk itu amat perlu dipertingkat usaha penyelidikan dan pembangunan.

Agenda pembangunan masyarakat Bumiputera baik untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian mahupun masyarakat sains dan teknologi Bumiputera hendaklah mencerminkan kesaksamaan pembahagian dan diasaskan kepada meritokrasi di kalangan masyarakat Bumiputera supaya masyarakat Bumiputera akan benar-benar dihormati keupayaannya.

Supaya keadilan dapat benar-benar diamalkan di kalangan sesama Bumiputera. Mengetepikan Bumiputera yang benar-benar layak dan berkebolehan walau apa pun alasannya akan lebih merugikan masyarakat Bumiputera dalam jangka masa panjang.

Negara mengiktiraf peranan sektor swasta untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Sektor swasta diharap memainkan peranan lebih penting dan lebih aktif terutama mencipta peluang baru ekonomi, sekali gus menyediakan pekerjaan. Hasrat itu menuntut kepada peranan sektor awam yang lebih cekap terutama dalam memperbaiki sistem penyampaian.

Sektor awam hendaklah secara lebih radikal mengubah dari hanya peranan

kawal selia dan penguatkuasaan undang-undang, kepada peranan pemudah cara, membantu secara berkesan menjayakan usaha dan peranan sektor swasta dengan kadar lebih cekap, lebih cepat, lebih telus.

Sektor awam berperanan penting memastikan dasar negara dilaksanakan secara berkesan - secara telus, mencerminkan imej perkhidmatan yang bersih dan bebas dari rasuah. Kakitangan awam hendaklah menghayati sedalam-dalamnya slogan 'bersih, cekap dan amanah' hingga dapat dijemakan dalam budaya kerja dan dapat mempamerkan corak kepemimpinan melalui teladan.

Layanan mesra dan saksama kepada rakyat terutama kepada kumpulan bawahan, di kalangan warga miskin, di kalangan rakyat biasa, di kalangan yang tidak berpangkat dan tidak berkedudukan, di kalangan yang tidak memiliki nama besar dan tidak mempunyai gelaran, amat perlu diutamakan.

Rasuah adalah amalan jijik. Pendekatan lebih berkesan menangani rasuah hendaklah diterokai. Pendekatan pencegahan sama penting dengan pendekatan punitif. Pendekatan pencegahan yang lebih berkesan perlu difikirkan, antaranya melalui usaha mempercepatkan proses kerja, mengurangkan 'red tape', memperbaiki sistem penyampaian, meningkatkan mutu kerja dan melakukan audit kerja yang lebih kerap.

Saya menyeru supaya matlamat membina perkhidmatan awam yang sifar rasuah tidak digagalkan oleh amalan kurang sihat di kalangan pihak swasta dan pihak yang tidak berada di dalam kerajaan.

Keutuhan negara bertambah kukuh jika undang-undang dikuatkuasakan secara tegas - secara telus. Keberkesanan pencegahan jenayah perlu ditingkatkan.

Jenayah yang mempengaruhi nilai moral perlu dibanteras. Kumpulan yang menjalankan rangkaian gelap perlu diperangi dan mereka yang bersubahat dengan kumpulan itu perlu didedahkan.

Keselamatan harta benda dan keselamatan diri terutama bagi wanita, kanak-kanak dan pengunjung ke negara ini perlu dijamin melalui komitmen dan kesungguhan pihak yang bertanggungjawab menjalankan tugas.

Tuan Yang Dipertua

Negara kita bukan saja muda dari segi usia tetapi memiliki komposisi rakyat yang majoritinya muda. Malaysia perlu menjadi bumi tempat bertapak dan langit tempat memberi naungan memenuhi harapan generasi muda. Oleh itu, penyertaan warga muda hendaklah digalakkan.

Tenaga, fikiran dan idealisme warga muda perlu dibawa dalam arus perdana pembangunan negara dengan menggalakkan perkembangan minda dan intelek, mencambahkan idea, inovasi, ciptaan dan kreativiti.

Institusi keluarga berperanan penting dan perlu diperkukuhkan.

Mendidik

warga muda meletakkan nilai tinggi terhadap institusi keluarga dan membina

keluarga bahagia wajib dilakukan demi memastikan warga tua terus

dihargai,

dimuliakan, disayangi dan diberikan perhatian sesuai dengan ajaran Islam

dan budaya masyarakat Timur.

Wanita adalah 50 peratus daripada komposisi rakyat, layanan seimbang tanpa prejudis dan diskriminasi terhadap wanita perlu diperlihatkan baik

pada peringkat penggubalan dasar, pelaksanaan dan penyertaan. Peranan mereka perlu diiktiraf kepentingannya.

Tuan Yang Di Pertua

Globalisasi serta teknologi komunikasi dan maklumat telah menjadikan dunia hari ini semakin terangkai. Negara tidak lagi dan tidak boleh hidup

secara isolasi. Kita perlu bertekad membangunkan negara menjadi satu wadi

di rantau ini, menarik pelaburan asing, meningkatkan perdagangan antarabangsa serta menjayakan pertemuan budaya.

Dalam menghadapi cabaran permainan politik kuasa besar, kerajaan tidak

akan mengorbankan kepentingan negara dan sama sekali tidak berkompromi dalam mempertahankan kedaulatan negara bangsa.

Malaysia kekal dan tetap tegas dengan pendirian menuntut keadilan sejagat. Kita akan melakukan pelbagai ikhtiar memastikan ekonomi dunia lebih saksama dan aturan politik dunia dilandaskan kepada undang-undang antarabangsa. Prinsip ini akan kita jadikan pegangan dalam memenuhi peranan sebagai pengerusi NAM dan OIC.

Tuan Yang Dipertua

Dalam mengambil tanggungjawab berat ini saya memberikan jaminan untuk meneruskan segala dasar yang digariskan oleh pemimpin sebelum saya. Wawasan 2020 akan terus menjadi inspirasi memacu kita melakukan pembangunan secara komprehensif untuk mencapai taraf negara maju.

Kita juga perlu mengusahakan emansipasi dan pengukuhan dalam segala aspek pembangunan manusia dari segi sosial, moral, etika dan politik. Dasar wawasan negara akan terus dijadikan rangka strategik kepada dasar ekonomi negara.

Semangat dasar ekonomi baru untuk memastikan penyusunan masyarakat yang

dapat membina perpaduan nasional dan agenda membasmi kemiskinan tidak harus sama sekali diabaikan.

Semangat perkongsian kuasa yang menjadi kekuatan kita berkerajaan dan bernegara akan diperkukuhkan. Amalan raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen didukung dengan menghormati piagam pembahagian kuasa di antara

kuasa perundangan, kuasa eksekutif dan kuasa kehakiman, nyata terbukti memberikan satu bentuk semak dan timbang yang amat berkesan untuk menyekat

sebarang salah guna kuasa dari berlaku.

Hari ini, saya mewarisi tanggungjawab kepemimpinan bagi sebuah negara yang telah mencapai kejayaan. Tugas dan tanggungjawab berat ini tidak mungkin dapat dilaksanakan secara berseorangan. Untuk itu saya mohon mendapat kerjasama dan sokongan dari setiap Ahli Yang Berhormat, dari pentadbir, pihak swasta, kumpulan politik, pihak media malah dari setiap

seorang warga Malaysia membantu saya membawa Malaysia mencapai kejayaan lebih cemerlang, lebih gemilang, lebih terbilang.

KepadaMu ya Allah, hambaMu ini memohon petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kecekalan, kesabaran dan kesungguhan.

Tuan Yang Dipertua

Saya mohon mencadangkan.

(END)

04/11/2003

Cabaran Pak Lah mantapkan pembangunan negara

By Tan Sri Lee Lam Thye

WALAUPUN rakyat Malaysia akan merindui kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad yang penuh dedikasi dan berwawasan, mereka tetap mengalu-alukan kedatangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi atau lebih dikenali sebagai Pak Lah, seorang yang tidak kurang kemampuannya untuk menggantikan Dr Mahathir bagi jawatan nombor satu negara.

Selepas berkhidmat 22 tahun sebagai Perdana Menteri, sudah tentu Dr Mahathir meninggalkan pelbagai legasi dan catatan dalam kronologi sejarah Malaysia.

Sumbangan beliau kepada pembangunan negara tidak terkira banyaknya dan segala sumbangan ini pasti dihargai oleh seluruh rakyat, tidak kira kawan ataupun lawan. Dr Mahathir adalah seorang patriot yang berwawasan dan semangat inilah yang mendorong kejayaan demi kejayaan, bukan saja bagi diri beliau, malah negara dan seluruh rakyat.

Bagi diri saya, sumbangan yang paling jelas adalah komitmen Dr Mahathir untuk memodenkan Malaysia; pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), mengubah minda rakyat dan usaha beliau yang tidak putus-putus untuk meletak taraf negara Malaysia di peta dunia.

Satu sifat Dr Mahathir yang signifikan adalah kemampuan beliau untuk menyampaikan pemikiran, pandangan dan pendapat beliau dengan cara yang jujur dan meninggalkan impak kepada pendengar. Ini jelas terutama dalam sokongan beliau terhadap perjuangan rakyat Palestin serta penentangan terhadap peperangan sebagai penyelesaian kepada masalah dunia.

Beliau juga menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memantapkan keharmonian kaum dan agama dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa. Dalam hal ini, beliau telah berulang kali menyatakan kebanggaan beliau dengan keharmonian yang wujud di Malaysia.

Ada ciri atau perwatakan beliau yang saya fikir perlu dicontohi oleh rakyat Malaysia iaitu tahap tenaga beliau yang tidak mengenal penat lelah, serta kemampuan beliau untuk bekerja keras. Kedua-dua sifat inilah yang membolehkan beliau menyambut cabaran membangunkan sebuah negara dengan penuh jaya.

Sebagai Perdana Menteri baru, Pak Lah telah mewarisi sebuah negara yang moden dan progresif. Beliau juga mewarisi sebuah negara yang berhadapan dengan pelbagai cabaran politik dan ekonomi.

Dengan kepintaran dan pengalaman beliau dalam bidang politik, digandingkan dengan kemahiran diplomatik serta perwatakan yang berprinsip tinggi, tetapi bersedia mendengar, Pak Lah dilihat sebagai orang yang paling layak mengambil alih kepemimpinan tertinggi negara. Pak Lah adalah seorang yang mampu membawa Malaysia mengharungi cabaran yang mendatang dan

memimpin negara ke arah pembangunan dan kemajuan yang lebih mantap.

Pak Lah dijangka tidak akan melakukan perubahan drastik dalam dasar yang sedia ada, sama ada pada peringkat domestik mahupun antarabangsa. Dalam lawatan rasmi ke Brunei pada Julai, beliau menyatakan: "Apabila saya mengambil alih sebagai Perdana Menteri, tidak akan ada perubahan rejim, atau perubahan drastik dalam dasar Malaysia. Tidak akan ada perubahan kerajaan. Perubahannya hanya pada individu (yang memimpin)".

Beliau juga menyatakan beliau tidak akan mengubah dasar yang membawa manfaat kepada negara, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Bagaimanapun, jika ada perkara perlu ditingkatkan atau diperbaiki, perubahan akan diperkenalkan.

Pak Lah akan berhadapan pelbagai cabaran, antaranya pilihan raya umum yang semakin hampir, cabaran menarik pelabur asing ke negara kita serta untuk mempertingkatkan daya saing ekonomi kita.

Dilihat secara menyeluruh, keadaan ekonomi dan politik kita kukuh, di mana ekonomi negara semakin pulih dan menjadi semakin kuat. Keadaan politik juga kian stabil.

Dengan cara kepemimpinan yang berbeza, Pak Lah akan membuktikan keupayaan dan kemampuan beliau dengan mengukuhkan kedudukan politik dan tanggungjawab baru beliau, dan dijangka mengadakan pilihan raya umum dalam masa terdekat.

Sebagai seorang sahabat kepada Pak Lah, ingin saya mencadangkan supaya usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan untuk memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Isu utama bagi Perdana Menteri baru adalah pengukuhan integrasi nasional, keharmonian kaum dan agama, serta usaha menggalakkan perpaduan serta merealisasikan sebuah 'Bangsa Malaysia' yang bersatu padu.

Fokus perlu diberikan dalam mendidik generasi muda kita supaya sedar dan lebih menghargai kepentingan untuk menggalakkan interaksi antara kaum, agama dan budaya di kalangan mereka.

Dengan latar belakang dan pendidikan awal beliau dalam bidang agama, Pak Lah juga perlu berusaha ke arah mewujudkan sebuah Dialog Antara-Agama serta penubuhan sebuah institusi seperti Majlis Antara-Agama di mana semua agama dapat berinteraksi dan bertukar idea dan fahaman. Institusi ini dapat membina kefahaman dan keharmonian antara penganut pelbagai agama negara kita.

Keselamatan negara dan awam, terutama pencegahan jenayah juga perlu diberi keutamaan. Dalam hal ini, semangat dan kapasiti pasukan polis perlu dipertingkatkan. Usaha menggalakkan kerjasama di antara orang awam dengan polis juga boleh dilakukan untuk membantu membanteras jenayah.

Perdana Menteri baru ini juga perlu memberi perhatian kepada pemupukan nilai murni untuk menangani pelbagai gejala sosial yang berleluasa dalam masyarakat. Dalam usaha ini, beliau perlu menekankan kepentingan institusi kekeluargaan.

Satu cabaran yang paling sukar bagi Pak Lah adalah mengubah tanggapan

dan pemikiran rakyat Malaysia. Ada di kalangan rakyat yang masih dibelenggu mentaliti Dunia Ketiga walaupun Malaysia kini sudah ada infrastruktur setanding negara maju.

Seperti yang telah dinyatakan beliau sendiri pada Mac lalu, Pak Lah perlu menghadapi dan menangani tabiat negatif segelintir rakyat yang tidak

mempedulikan soal perlunya penyelenggaraan bangunan, tidak mengutamakan perkhidmatan pelanggan, kurangnya kesedaran sivik serta kurangnya perlindungan pada harta benda awam.

Isu seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah juga sudah tentu menjadi agenda dalam kepimpinan Pak Lah.

Seluruh rakyat ingin mengucapkan syabas kepada Pak Lah dan mendoakan kesihatan dan kejayaan kepadanya supaya dapat memimpin Malaysia ke tahap

yang lebih tinggi dan lebih cemerlang.

TAN SRI LEE LAM THYE.

(END)

04/11/2003

Bual teater

By Khalid Salleh

TUN Dr Mahathir Mohamad baru saja melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri Jumaat lalu dengan suasana penuh mengharukan. Dari pekarangan Perdana Putera dan seterusnya mereka yang menyaksikan liputan menerusi siaran langsung di televisyen berasa seolah-olah tidak membenarkan pemimpin yang dikasihi itu berundur.

Dr Mahathir memperkenalkan dasar langit terbuka atau multimedia super corridor. Dengan itu, setiap orang di negara ini tidak terkongkong oleh satu aliran pemikiran semata-mata. Sesiapa saja boleh melihat dan mengenali pelbagai bentuk pemikiran yang tersaji atau disampaikan dari segenap pelosok dunia. Maknanya, ideologi pemikiran setiap orang di negara

ini tidak ditentukan oleh sesuatu bentuk pemerintahan. Itulah keterbukaan

yang mendukung kesempatan interaksi ke arah kebaikan atau sebaliknya. Semuanya ditentukan dan berada di hujung jari anda.

..TX:

TUN Dr Mahathir Mohamad baru saja melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri Jumaat lalu dengan suasana penuh mengharukan. Dari pekarangan Perdana Putera dan seterusnya mereka yang menyaksikan liputan menerusi siaran langsung di televisyen berasa seolah-olah tidak membenarkan pemimpin yang dikasihi itu berundur.

Dr Mahathir memperkenalkan dasar langit terbuka atau multimedia super corridor. Dengan itu, setiap orang di negara ini tidak terkongkong oleh satu aliran pemikiran semata-mata. Sesiapa saja boleh melihat dan mengenali pelbagai bentuk pemikiran yang tersaji atau disampaikan dari segenap pelosok dunia. Maknanya, ideologi pemikiran setiap orang di negara

ini tidak ditentukan oleh sesuatu bentuk pemerintahan. Itulah keterbukaan

yang mendukung kesempatan interaksi ke arah kebaikan atau sebaliknya. Semuanya ditentukan dan berada di hujung jari anda.

Di satu pihak, Dr Mahathir dilihat sebagai penghalang kepada cita-cita

politik mereka yang bercita-cita memerintah dan menegakkan perlembagaan Islam 100 peratus walaupun definisi Islam itu sendiri masih terlalu umum

atau kabur bagi sesetengah pihak. Begitu juga mereka yang mendukung perjuangan reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim yang secara teorinya mungkin

benar. Kebenaran selalunya merujuk kepada saat terakhir bagaimana dentingan jam berbunyi. Kokok ayam membenarkan suasana subuh menjelang fajar, di mana keriuhan ke arah kegiatan kehidupan bermula ketika itu. Ertinya, ayam tidak akan berkokok ketika menjelang senja. Jika ada, menandakan mungkar sedang berlaku di sekitar kawasan kokok ayam itu kedengaran.

Nilai kebenaran itu sendiri meletakkan seseorang dimuliakan atau sebaliknya ketika beransur meninggalkan kedudukan atau jawatan yang disandang oleh seseorang. Itulah senario yang menjulang kebenaran bakti seorang pemimpin negara seumpama Dr Mahathir. Tidak pernah ada dalam sejarah negara mana sekali pun seorang pemimpin berada di depan khalayak

dengan senyuman dan diratapi menjelang detik terakhir perkhidmatannya. Itulah suasana atau `dentingan jam' yang membenarkan paksi keberadaannya

sebagai pemimpin selama 22 tahun negara ini.

Matematik, sains dan politik merumuskan abjad kemuliaan seseorang berasosiasi dengan apa yang dilakukan selama keberadaannya di dunia ini.

Seperti difahami secara umum Tuah membunuh Jebat kerana menderhaka dan membelakangkan kedaulatan Sultan. Jebat terpaksa menderhaka kerana menuntut bela atas tindakan Sultan membunuh Tuah tanpa usul periksa. Pemeriksaan sebenarnya sudah dilakukan oleh Bendahara, maka Bendahara tidak menjalankan perintah Sultan untuk membunuh Tuah. Sebaliknya dia menyembunyikan Tuah di Hulu Melaka bersama Orang Asli. Pada waktu yang sama Bendahara masih taat dan mendaulatkan sultannya.

Jebat mungkin benar, perlakuannya membela kebenaran atas `kematian' Tuah

menyebabkan dia menderhaka kepada Sultan. Tetapi Jebat tidak mendekati persoalan bagaimana dan di mana Tuah dihukum bunuh oleh Bendahara yang menjalankan titah Sultan. Kesimpulannya, Jebat memang bukan seorang pemikir. Dia bertindak mengikut selera kebenarannya yang tidak dirujuk kepada peraturan usul, kias dan ijmak.

Kebenaran Bendahara menyembunyikan Tuah dan bukan membunuhnya sebagaimana yang dititah Sultan kerana Bendahara mempunyai perincian mengenai Hang Tuah yang difitnah pembesar Melaka. Jebat sepatutnya mengenali muslihat yang tersembunyi dari Bendahara. Sebaliknya, Jebat telah membelakangkan institusi perbendaharaan ilmu, hukum perundangan yang dijaga dan diselia Bendahara (Perdana Menteri). Itulah penderhakaan Jebat.

Teori Jebat sudah diguna pakai penentang Dr Mahathir secara reformasi atau `membakar jambatan'. Definisi membelakangkan kedaulatan perlembagaan

dan undang-undang yang telah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong selaku

wakil Raja-Raja Melayu seluruhnya telah memperlihatkan bahawa teori Jebat

akhirnya `membunuh' diri sendiri.

Begitulah kemenangan Dr Mahathir yang mendaulatkan kepemimpinannya atau

kebijaksanaan meletakkan maruah bangsa, agama dan negara sebagai hadiah kesetiaannya kepada Raja, agama dan negara. Maka persempadanan antara Jebat derhaka, Tuah dan Bendahara Melaka yang bijaksana mempunyai kaitan

yang sangat rapat dengan kerjasama yang diterapkan oleh Dr Mahathir terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah). Pak Lah tidak `dibunuh' Bendahara. Sebaliknya Jebat telah dibunuh oleh kedaulatan. Itulah permainan atau drama kehidupan manusia yang mencetuskan suasana kekaguman dan diiktiraf penonton dari serata dunia khususnya masyarakat negara ini yang lebih arif mengenai kedaulatan dan badi menentang kedaulatan.

"Jangan ada antara anak cucu bapa kita mengkhianati perteguhan itu. Sekiranya mereka melakukannya bermakna tiang kedaulatan rebah ke bumi, bangsa yang memayunginya tersungkur di lembah kehinaan." Itulah aku janji

sumpah antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba, titik awal sejarah Melayu dijelmakan. Barangkali itulah kesedaran Dr Mahathir yang membuatkan

dia berundur dengan sempurna dan membahagiakan semua orang. Tirai persembahannya ditutup dengan tepukan gemuruh atau standing ovation.

Bravo

Tun!

(END)